

Headline	Diarah pulih tapak lupus sampah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	32
ArticleSize	345 cm ²	Journalist	MOHAMAD ATHIR
PR Value	RM 42,486		



Diarah pulih tapak lupus sampah

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

KLANG: Pemilik kawasan seluas hampir empat hektar dekat Batu 14, Kapar di sini yang menjadikannya sebagai tapak pelupusan sampah haram diberikan Notis 7A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 supaya memulihkan tanah mereka kepada keadaan asal.

Antara pemilik tanah tersebut termasuk Sime Darby Plantation Berhad dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila dijadikan tapak pelupusan sisa industri seperti plastik dan kabel yang mengganggu kehidupan penduduk sekitar kerana kerap berlaku kebakaran.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Kerajaan Tempatan Selangor, Datuk

Ng Suee Lim berkata, masalah tersebut dikesan pihak berkuasa pada 2021, namun ketika itu longgokan sudah pun terlalu banyak sebelum sekatan pada laluan masuk ke kawasan berkenaan dibuat.

“Kawasan tersebut seluas dua hingga empat hektar mengandungi lima lot tanah individu termasuk TNB dan Sime Darby Plantation. Sisa-sisa yang dibuang seperti kabel, plastik barang-barang daripada industri dan sekarang kita berjaya kawal.

“Tapi isu yang masih belum dapat diatasi adalah kebakaran. Mereka bakar dan sebagainya dan sekarang masuk musim cuaca panas, jadi ia akan terbakar dengan lebih kerap,” katanya selepas meninjau tapak tersebut, semalam.

Beliau menambah, kewu-

judan tapak tersebut menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menanggung kos apabila pada tahun lalu lebih 700 tan sampah dikeluarkan dari situ dengan bantuan KDEB Waste Management Sdn. Bhd.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan tapak pelupusan sampah terletak berdekatan Kampung Jalan Suara berhampiran Kampung Sungai Serdang itu dianggap sebagai terbesar di Asia Tenggara oleh pemerhati alam sekitar dari Jerman.

Malah, turut dilaporkan lebih 300,000 penduduk berhampiran Batu 14 di sini dibelenggu derita akibat menghidu asap busuk dari sebuah tapak pelupusan sampah haram di kawasan itu yang dianggap seperti ‘gunung’ sejak 10 tahun lalu.



NG SUEE LIM bersama wakil agensi kerajaan negeri dan wakil penduduk meninjau tapak pelupusan sampah haram seluas hampir empat hektar dekat Batu 14, Kapar di Klang, semalam.